



Fail: (12) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 25 November 2011

Ketua Pengarang,

Harian Metro

Akhbar : **Harian Metro**
Tarikh : **17 Oktober 2011**
Subjek : **TOLONG KAMI**

Merujuk kepada perkara di atas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Harian Metro kerana mengetengahkan isu tersebut. Pihak Kementerian khususnya Jabatan Perumahan Negara(JPN) telah membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan.

Untuk makluman, Projek Perumahan Taman Mount Austin yang dimajukan oleh Kong Sun Enterprise Sdn Bhd merupakan projek yang dikategorikan sebagai projek sakit oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Projek ini mengandungi satu (1) jenis pembangunan sahaja iaitu Rumah Pangsa lima (5) (RP5T) yang mempunyai 10 Blok keseluruhan di mana Blok ke -10 telah siap dan memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) daripada Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada Jun 2010. Pada 11 Februari 2011, Jabatan Perumahan Negara telah memanjangkan aduan pembeli kepada pihak MBJB kerana pembeli mendakwa tiada bekalan air dan elektrik di Blok 10.

Blok 1 hingga Blok 9 masih gagal disiapkan oleh pemaju dan berdasarkan kepada Perjanjian Jual dan Beli yang ditandatangani, projek ini sepatutnya siap pada bulan Disember 2006. Jabatan Perumahan Negara (JPN) sentiasa memantau secara rapi projek-projek perumahan swasta berlesen yang bermasalah termasuklah projek Perumahan Taman Mount Austin.

Untuk makluman juga, Jabatan Perumahan Negara melalui Bahagian Pemantauan Projek Perumahan Swasta telah mengadakan mesyuarat dan lawatan di tapak secara berkala dan yang terkini, melalui lawatan tapak yang telah diadakan pada 21 April 2011, didapati tiada sebarang aktiviti dijalankan di tapak pembinaan dan aktiviti pembinaan tersebut telah terhenti sepenuhnya. Projek ini telah mengalami kelewatan selama empat (4) tahun dari tarikh projek sepatutnya disiapkan. Berdasarkan pemantauan, faktor utama yang menyebabkan kelewatan untuk menyiapkan projek adalah pemaju menghadapi masalah kewangan dan masalah aliran tunai.

Justeru itu, sekiranya pemaju didapati tidak berkeupayaan dan tidak menunjukkan komitmen untuk meneruskan projek ini, Jabatan Perumahan Negara sebagai pemudahcara akan mengambil tindakan mengesyorkan projek ini sebagai projek perumahan terbengkalai.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my

